

Kerajaan sedia kekal pencen kakitangan awam

Kyoto: Kerajaan akan mengekalkan Skim Pencen Perkhidmatan Awam sehingga satu mekanisme baharu dirancang untuk mengurangkan bebanan kewangan negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tiada keputusan dicapai berkaitan perkara itu dan ia belum dibincangkan pada peringkat Kabinet, tetapi mengakui pembayaran pencen kini menjadi beban kewangan besar kepada kerajaan.

"Kami akan meneruskan skim pencen sedia ada, tetapi kami masih mencari jalan supaya kerajaan mampu berbuat demikian," katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia di akhir lawatan kerja beliau ke Kyoto, Jepun semalam.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah, dilaporkan berkata, lantikan baharu dalam perkhidmatan awam mungkin tidak lagi dibuat di bawah skim tetap dan berpencen sebaliknya digantikan dengan skim lantikan kontrak yang ditambah baik bermula tahun depan.

Borhan berkata, langkah itu diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa khas pembaharuan per-

khidmatan awam pada Oktober 2018 yang mahukan perkhidmatan awam dikecilkan secara berfasa dan berdasarkan keperluan, selain mengurangkan bebanan pencen yang kini mencecah RM28 bilion.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, tiada permintaan ekstradisi penceramah bebas Dr Zakir Naik diutarakan oleh Perdana Menteri India, Narendra Modi, ketika pertemuan beliau dengan pemimpin negara itu.

"Dia menyebut nama (Zakir) sahaja, tapi tak ulas. Dia cakap sekali je tentang Zakir Naik," katanya sambil menambah tumpuan Modi sepanjang perjumpaan itu adalah untuk meringankan situasi di Jammu-Kashmir.

Dr Mahathir dan Modi mengadakan pertemuan dua hala ketika menghadiri Forum Ekonomi Timur (EEF) Ke-5 di Vladivostok, Russia baru-baru ini.

Sebelum ini media India melaporkan bahawa Modi meminta Dr Mahathir mengambil langkah untuk mengekstradisi pendakwah kelahiran India itu yang dikehendaki New Delhi atas dakwaan menghasut keganasan dan pengubahan wang haram.

"Kami akan meneruskan skim pencen sedia ada, tetapi kami masih mencari jalan supaya kerajaan mampu berbuat demikian.

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*